

# GANDINGAN PERAK

HARIAN METRO  
10/3/2018 p.54

## ■ Pandelega, Jun Hoong raih pingat pada penampilan sulung 2018 di Beijing

Cheong Jun Hoong dan Pandelega Rinong mencatat permulaan memberangsangkan pada penampilan pertama di kolam renang musim ini apabila meraih pingat perak acara terjun 10 meter platform seirama dalam Siri Piala Dunia di Beijing, semalam.

Gandingan yang memenangi pingat perak di Sukan Olimpik Rio 2016 itu berjaya mengutip 312.24 mata daripada lima terjunan yang dilakukan.

Walaupun jumlah mata yang dikutip itu kurang

memberangsangkan, ia tetap permulaan baik apatah lagi Siri Piala Dunia adalah kejohanan pertama yang disertai mereka selepas Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, Ogos lalu.

Malah, pingat itu harus menjadi tonik terbaik kepada mereka menjelang Sukan Komanwel di Gold Coast, bulan depan.

Pasangan China, Zhang Jiaqi-Zhang Minjie memenangi pingat emas dengan mengutip 368.22 sementara gandingan Australia, Taneka Kovchenko-Melissa Wu terpaksa berpuas hati dengan gangsa selepas menghimpun 299.46 mata.

Pemangku ketua jurulatih, Zhang Yukun berkata: "Saya gembira dengan kemampuan Jun Hoong dan Pandelega mengatasi pasangan Australia dan Kanada yang bakal menjadi saingan utama di Sukan Komanwel. Ini kejohanan pertama mereka sejak kali terakhir bergandingan di Grand Prix Australia di Gold Coast tahun lalu. Saya yakin mereka



JUN Hoong

PANDELEGA

akan terus konsisten selepas ini.

"Ini permulaan yang baik dan kami harap mereka akan dapat mengekalkannya di Sukan Komanwel," kata Yukun.

Sementara itu, Nur Dha-

bitah Sabri dan Leong Mun Yee menduduki tempat kelima acara 3m papan anjal seirama dengan kutipan mata 282.84. Dhabitah akan bertanding dalam acara 3m papan anjal individu hari ini.



“Ini permulaan yang baik dan kami harap mereka akan dapat mengekalkannya di Sukan Komanwel”  
Zhang Yukun